



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK SERI DR NORAINI AHMAD
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

mewakili

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**SEMPENA:
MAJLIS APRESIASI RAKAN STRATEGIK
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
TAHUN 2025**

**PADA:
1 JULAI 2025 (SELASA)
11.00 PAGI**

**LOKASI:
BANGI RESORT HOTEL**

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Terima kasih saudara pengacara majlis.

SALUTASI (akan disediakan kemudian)

MUKADDIMAH

1. Pertamanya, saya ingin menyampaikan salam daripada YAB Timbalan Perdana Menteri 1, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi. Hari ini, YAB Timbalan Perdana Menteri 1 tidak dapat bersama kita atas kekangan yang tidak dapat dielakkan. Oleh itu, saya akan sampaikan harapan dan pesanan daripada YAB Timbalan Perdana Menteri 1 kepada hadirin yang hadir pada hari ini.
2. Di sebalik kemajuan negara yang kita banggakan, bangunan tinggi, teknologi canggih, dan kekuatan ekonomi, ada satu perkara yang jadi **penentu utama kesejahteraan rakyat iaitu soal kebajikan**.
3. Malah, **kemajuan sebenar bukan hanya diukur pada kadar pertumbuhan ekonomi atau jumlah pelaburan, tetapi diukur pada bagaimana kita menjaga yang lemah, membantu yang kurang upaya,**

dan mengangkat maruah setiap insan tanpa mengira latar belakang.

4. **Kemajuan yang kita kejar tak akan bermakna jika masih ada anak kecil yang menangis kelaparan, warga emas yang hidup sebatang kara, atau OKU yang terpinggir tanpa peluang.**
5. Dan di sinilah **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**, sejak lebih 75 tahun lalu, berdiri sebagai **pelindung dan penyelamat kepada mereka yang tersisih, terpinggir, dan teraniaya**. Dari kampung di pedalaman Sabah hingga ke flat di tengah bandar Kuala Lumpur, **JKM tidak pernah memilih di mana khidmat mereka diperlukan**.
6. Maka, kita berhimpun hari ini bukan sekadar untuk meraikan **Majlis Apresiasi Rakan Strategik Jabatan Kebajikan Masyarakat Tahun 2025**, tetapi untuk memperbaharui iltizam bahawa **Malaysia MADANI** yang kita cita-citakan hanya akan tercapai apabila kebajikan diangkat **setinggi-tingginya** sebagai asas sebuah negara berperikemanusiaan.

PENGHARGAAN KEPADA RAKAN STRATEGIK JKM

7. Seperti yang kita sedia maklum, Jabatan Kebajikan Masyarakat memainkan peranan penting sebagai agensi barisan hadapan dalam pengurusan bencana dan bantuan sosial. Namun, **kekuatan sistem kebijakan negara tidak terletak pada keupayaan agensi kerajaan semata-mata**, ianya memerlukan kesatuan kita semua, semangat kesukarelawanan yang tidak mengenal penat, solidariti sosial yang merentasi bangsa dan agama, dan kerjasama padu antara semua pihak.
8. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua rakan strategik iaitu **badan korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dan semua pihak** yang selama ini telah bersama-sama membantu kerajaan dalam memperluas capaian dan keberkesanan perkhidmatan kebijakan.
9. Sememangnya peranan anda semua di medan kebijakan bukan hanya membantu Kerajaan khususnya JKM, tetapi lebih daripada itu - ia menghidupkan semangat kemanusiaan,

memperkuat jaringan sokongan sosial, dan membawa sinar harapan kepada ribuan rakyat yang memerlukan.

MEMPERKASA PENGURUSAN BENCANA

Hadirin sekalian,

10. YAB Timbalan Perdana Menteri sering mengendalikan pelbagai krisis melibatkan pelbagai bentuk bencana, terutamanya banjir, tanah runtuh, ribut dan kebakaran sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Pengurusan Bencana Negara,
11. Saya juga **menyaksikan bagaimana semangat solidariti dalam kalangan agensi Kerajaan, pasukan penyelamat, sektor swasta dan masyarakat awam benar-benar terserlah.**
12. Sememangnya **pengurusan bencana memerlukan kerjasama merentas sektor melalui tindakan yang pantas, penyelaras yang cekap dan semangat sukarelawan yang tinggi.** Di sini saya turut melihat bagaimana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut memainkan

peranan besar terhadap pengurusan mangsa bencana.

13. Saya lihat sehingga kini, **JKM bertanggungjawab terhadap 8,417 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di seluruh Malaysia yang telah menampung sehingga 2.18 juta mangsa.** Kesiapsiagaan ini membuktikan komitmen Kerajaan untuk memastikan setiap mangsa bencana sentiasa mendapat perlindungan dan sokongan sewajarnya.
14. Selain itu, **sepanjang musim Monsun Timur Laut tahun 2024/2025 yang lalu, JKM juga telah menguruskan sejumlah 1,612 buah PPS yang dibuka dengan menyediakan penempatan sementara kepada 343,248 orang mangsa daripada 101,540 keluarga yang melibatkan 12 buah negeri.** Ini bukan angka kecil, ini nyawa yang kita selamatkan bersama!
15. Pada masa yang sama, saya turut memahami cabaran yang dihadapi oleh JKM. **Lihat saja di Pasir Mas, pejabat JKM cuma ada 40 orang kakitangan, tetapi mereka perlu urus 72 PPS dan menyantuni seramai 39,908 mangsa melibatkan 13,014**

keluarga. Bayangkan betapa luar biasanya komitmen mereka.

16. Saya bersyukur apabila wujudnya **gandingan mantap semua agensi di peringkat akar umbi** seperti **NADMA, Angkatan Pertahanan Awam, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Jajahan atau Daerah termasuk rakan-rakan strategik JKM**, kita berjaya memastikan mangsa-mangsa bencana dapat dibantu sebaik-baiknya.
17. Malah, **YAB Perdana Menteri ketika turun ke lapangan turut memuji semangat kerjasama yang ditunjukkan dan menyatakan pengurusan bencana yang kita kendalikan adalah yang terbaik.** Ini semua tidak mungkin akan tercapai tanpa kerjasama, penglibatan dan sokongan serta bantuan daripada semua agensi dan rakan-rakan strategik.
18. **Keberadaan dan keprihatinan pihak swasta, syarikat korporat, NGO dan semua ahli komuniti yang sudi terlibat memberi sumbangan dalam bentuk barang, wang tunai dan perkhidmatan kepada mangsa-mangsa bencana yang terlibat turut**

membawa makna yang besar kepada pengurusan bencana negara terutamanya buat para mangsa.

19. Anda semua telah turun padang dan bersama-sama menyinsing lengan membantu tanpa mengira warna kulit dan fahaman politik. **Inilah Malaysia yang kita perlukan, susah senang kita lalui bersama berganding bahu membantu mereka yang memerlukan.**
20. Ya, meskipun **JKM di persekutuan dan JKM Negeri telah diperuntukan sebanyak RM40,907,300.00 bagi pengurusan bencana tahun 2025 termasuk penyediaan keperluan barang-barang bencana.** Namun saya akui bahawa jumlah ini tidak dapat menampung keperluan *adhoc* apabila skala bencana yang berlaku lebih besar dari jangkaan.
21. Justeru, sumbangan daripada rakan-rakan strategik JKM ketika bencana adalah sangat membantu dan diperlukan dalam memenuhi keperluan semua mangsa. Apa yang diharapkan adalah mereka yang terkesan dapat dibantu tanpa mengambil kira latar belakang dan tiada seorang pun akan tertinggal.

22. Alhamdulillah, anda semua telah membuktikan bahawa **kONSEP RAKAN STRATEGIK DALAM PENGURUSAN BENCANA** bukan hanya slogan, tetapi realiti yang terbukti mampu menyelamatkan nyawa, mengurangkan kesengsaraan, dan memulihkan keyakinan masyarakat selepas dilanda bencana.

MASYARAKAT PENYAYANG

23. Ya, sudah tentu Kerajaan sangat menghargai kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam menjayakan misi kebajikan. **Pendekatan *whole-of-society*** ini bukan sahaja wajar diteruskan, malah perlu kita perkukuh lagi dengan penambahbaikan yang lebih strategik dan tersusun.

24. Kepada seramai 30 penyumbang yang berada di depan saya ini, keprihatinan anda semua telah memberi makna yang besar kepada mangsa-mangsa bencana yang telah dibantu. Namun kita tidak boleh berhenti di sini, kita perlu pastikan setiap sumbangan tunai, setiap bantuan barang, sampai dengan lebih cepat, tepat, dan menyeluruh kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

25. Justeru, YAB Timbalan Perdana Menteri menyarankan agar **pusat penyelarasan sumbangan bencana JKM-Rakan Strategik di setiap negeri diwujudkan** supaya agihan bantuan lebih terurus serta menjadi markas untuk menggerakkan pasukan sukarelawan bencana bersama rakan strategik yang terdiri daripada tenaga kerja syarikat korporat, NGO dan masyarakat setempat yang bersiap siaga menghadapi kemungkinan bencana.
26. Pada masa yang sama, kita perlu **manfaatkan teknologi digital, termasuk aplikasi atau portal khas** untuk rakan strategik menyalurkan maklumat stok bantuan, lokasi keperluan, dan status agihan secara masa nyata (real-time).
27. Seterusnya, saya mahu **menggalakkan rakan-rakan strategik JKM yang mempunyai kepakaran dalam pengurusan bencana agar turut menyumbang dalam bentuk latihan kesediaan bencana kepada komuniti berisiko**, supaya mereka bukan hanya menunggu bantuan, tetapi lebih bersedia menghadapi bencana dan mengurangkan risiko kehilangan nyawa dan harta benda.

28. Saya yakin, dengan adanya rangkaian kerjasama yang lebih kemas, teknologi yang memudahkan, dan semangat sukarela yang diperkasa, kita akan dapat menjadikan pengurusan bencana di negara kita bukan sahaja terbaik di rantau ini, malah boleh menjadi contoh kepada dunia.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

29. Majlis ini bukan sekadar simbol penghargaan semata-mata, tetapi satu pengiktirafan terhadap semangat bantu membantu dan solidariti nasional yang ditunjukkan oleh seluruh rakan strategik JKM.

30. Saya berharap pengiktirafan dan penghargaan seumpama ini juga akan menjadi pendorong dan penyuntik semangat kepada semua pihak untuk terus proaktif dan produktif dalam memberikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

31. Terima kasih atas segala sokongan, sumbangan dan kerjasama yang telah diberikan. Sesungguhnya,

andalah wira yang sebenar dalam menjayakan misi kebajikan negara.

32. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, mewakili YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Apresiasi Rakan Strategik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2025**.

Sekian, terima kasih.